

TARIKH	21 / 03 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	24	RUANGAN	selempat



Oleh Yusmizal Dolah Aling

Jasa pemimpin akar umbi tidak dilupa

Air mata gembira menitis di pipi Abdul Rahim Yunos, 49, ketika menanti waktu berlepas dari Kompleks Tabung Haji Kelana Jaya. Bukan kerana sedih terpaksa meninggalkan saudara-mara, tetapi disebabkan dia terpilih untuk mengerjakan haji di bawah Program Khas Haji anjuran Yayasan IMDB tahun lalu.

Bagi Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Sri Jeram, Masjid Tanah, Melaka itu, tiada apa yang lebih mengharukan apabila namanya terpilih untuk bersama ratusan jemaah lain mengerjakan rukun Islam kelima itu selepas sekian lama menguruskan rakan dan rakyat dari Melaka, ketika berkhidmat dengan kerajaan negeri satu masa dulu.

Begitu juga halnya dengan Imam Masjid Putra, Putrajaya Kamaruddin Said yang tidak menyangka doa setiap selepas solat untuk menjejakkan kaki ke bumi suci Makkah dimakbulkan hasil bantuan kerajaan.

Ternyata, sumbangan lebih 15,000 ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung/Persekutuan (JKKK/P) sepertinya di seluruh negara mendapat perhatian kerajaan, khususnya Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak yang mengilhamkan program membantu mereka memabatkan ketua kampung itu menunaikan ibadah haji.

Pimpinan di peringkat bawahan itu ternyata begitu dekat di hati pemimpin nombor satu negara apabila jumlah jemaah ditambah daripada hanya 111 orang pada tahun pertama, kemudian 400 tahun lalu dan terbaru meningkat kepada 800, semuanya bertujuan memperkakan peluang untuk menyempurnakan haji di Makkah.

Capai cita-cita ke Makkah

Seperti kata Najib pada majlis penyerahan tawaran kepada calon haji di Putrajaya Isnin lalu, "sebelum pejam mata, nak juga sampai ke Tanah Suci". Ia sebagai satu inisiatif kerajaan membantu golongan berkenaan mencapai cita-cita ke Makkah seperti yang diimpikan semua orang Islam di dunia ini.

Mungkin ada yang melihat usaha berkenaan untuk mereka bekerja kuat, apatah lagi ketika Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) hampir tiba, namun itu semua telahan semata-mata sekiranya kita melihat dari sudut yang lain, pengiktirafan ke atas jasa dan sumbangan kepada negara.

Pada peringkat ini, umum ngetahui bahawa fungsi JKCC/P melengkapkan sistem pentadbiran

kerajaan bermula daripada peringkat kampung, daerah, negeri dan nasional begitu penting, terutama merekalah antara orang paling hampir dengan akar umbi.

Bukan saja bertanggungjawab memastikan keselamatan kampung serta kemajuan kawasan sekitarnya, mereka juga sebenarnya menjadi orang tengah menghubungkan antara pimpinan tertinggi kerajaan dengan rakyat selain dianggap kaunter aduan utama bagi penduduk di bawah jagaan masing-masing.

Dengan kenaikan elaun bulanan RM800 bermula 2011 berbanding hanya RM450 sebelum itu, ia turut dianggap bantuan modal untuk mereka menjalankan urusan dan membiayai kos pentadbiran sebagai orang penting di kampung masing-masing.

Peruntukkan RM780.84 juta

Bagi tujuan itu, kerajaan memperuntukkan RM780.84 juta untuk bayaran elaun JKCC/P daripada tahun 2006 hingga 2011.

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin turut menghargai kepemimpinan mereka ketika memberi amanat kepada JKCC/P Parlimen Pagoh minggu lalu.

Tanpa berselindung, beliau menghargai usaha dilakukan pimpinan setempat itu dalam melicinkan agenda pembangunan yang dibawa kerajaan Barisan Nasional (BN).

Muhyiddin turut menyifatkan fungsi mereka sejak dulu lagi sebagai penting bagi memastikan sokongan rakyat kepada kerajaan berterusan selain memberi penerangan mengenai isu terkini memabatkan dasar kerajaan.

Kepada beliau, JKCC/P hari ini perlu diperkasakan dengan teknologi semasa supaya tidak ketinggalan daripada mengikuti perkembangan mutakhir tanah air, terutama isu politik bagi mematahkan dakyah pembangkang yang tidak henti menabur fitnah.

Sebagai orang nombor dua dalam kepemimpinan negara, Muhyiddin melontarkan keyakinan bahawa jika perpaduan sesama JKCC/P ini berada pada tahap paling kukuh, tidak mustahil sasaran untuk memenangi PRU-13 dengan majoriti dua pertiga boleh dicapai kerana mereka juga penentu kepada semangat juang BN.

'Penghargaan' ini sebenarnya membuktikan JKCC/P tidak pernah dipinggirkan. Mereka sentiasa dilettakkan di saf hadapan untuk berjuang membangunkan negara tercinta ini.

Penulis wartawan Harian Metro